

Mekanisme KWSP halang salah laku perdagangan orang dalam

• Sebarang isu membabitkan KWSP, terutama berkaitan dengan integriti dan ketelusan pelaburan, pasti akan menarik perhatian ramai kerana memberi kesan kepada kepentingan majoriti rakyat

• KWSP dan MAHB perlu terus komited kepada prinsip ketelusan dan tadbir urus korporat baik bagi memastikan keyakinan pelabur kekal kukuh dan prestasi saham stabil di pasaran



Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang, Dr. Mohamad Reezuan Mustapha

Oleh Dr Mohamad Reezuan Mustapha
bhrezeana@bh.com.my

'Insider trading' atau perdagangan orang dalam, sering menimbulkan kontroversi dalam pasaran saham. Ia merujuk kepada aktiviti perdagangan saham oleh individu dengan akses kepada maklumat sulit terhadap syarikat yang belum dideklarasikan kepada umum.

Ia ini menjadi semakin relevan apabila dakwanya dikaitkan dengan transaksi saham syarikat besar seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan proses penswastan membabitkannya.

Secara umumnya, perdagangan orang dalam bukan sahaja dianggap tidak beretika, bahkan melanggar undang-undang sekuriti di kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

Amalan ini berlaku apabila individu atau kumpulan mempunyai maklumat dalaman dan menggunakannya untuk mendapatkan keuntungan peribadi dalam pasaran saham seperti rancangan pengambilalihan, keputusan kewangan belum diumumkan atau perubahan besar pengurusan syarikat.

MAHB, antara syarikat terbesar di negara ini menguruskan operasi lapangan terbang di dalam dan luar negara, menjadi tumpuan dalam pertincangan mengenai penswastan.

Proses penswastan MAHB membabitkan penjualan saham kerajaan kepada entiti swasta, dengan matlamat untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing syarikat.

Namun, proses ini juga membuka ruang kepada potensi perdagangan orang dalam. Contohnya, jika terdapat individu atau kumpulan mempunyai akses kepada maklumat sulit mengenai rancangan penswastan MAHB, mereka boleh menggunakan maklumat tersebut untuk membeli atau menjual saham sebelum ia diumumkan.

Kedua ini jika berlaku menimbulkan ketidakadilan kepada pelabur kecil yang tidak mempunyai akses kepada maklumat berkenaan.

Ia ini menjadi semakin hangat kerana membabitkan wang caruman 16.1 juta ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sebarang isu membabitkan KWSP, terutama berkaitan dengan integriti dan ketelusan pelaburan, pasti akan menarik perhatian ramai kerana memberi kesan kepada kepentingan majoriti rakyat.

Baru-baru ini, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, menegaskan aktiviti jual beli saham MAHB dan proses penswastan dimuktamadkan tahun ini adalah dua pelaburan berbeza.

Beliau menjelaskan kedua-dua pelaburan ini berbeza dari segi matlamat pelaburan dan jabatan bertanggungjawab menguruskan pelaburan tersebut.

Menurut beliau, sehingga pengumuman tawaran sukarela pada 15 Mei tahun lalu di Bursa Malaysia, aktiviti dagangan saham MAHB oleh pengurus dana saham tersenarai dijalankan mengikut mandat dalam menjana polangan untuk ahli KWSP.

Ini menunjukkan keputusan pelaburan dibuat secara profesional dan berlandaskan kepentingan ahli tanpa sebarang maklumat dalaman tidak adil.

Bagi memastikan tiada percanggahan kepentingan, KWSP dilihat mengamalkan proses tadbir urus tegu melalui protokol perintah maklumat atau dikenali sebagai 'Chinese Wall'.

Protokol ini menjadi piawai dalam kalangan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan institusi

"Jika terdapat individu atau kumpulan mempunyai akses kepada maklumat sulit mengenai rancangan penswastan MAHB, mereka boleh menggunakan maklumat terbabit untuk membeli atau menjual saham sebelum ia diumumkan"

kewangan. Ia memastikan pemisahan maklumat ketat antara Jabatan Pelaburan Strategik (JPS) yang bertanggungjawab terhadap tawaran awam sukarela (VGO) MAHB dengan Jabatan Ekuiti yang menguruskan dagangan saham.

Oleh itu, JPS dilarang sama sekali daripada berkongsi maklumat sensitif dan bukan umum dengan Jabatan Ekuiti. Ini bagi memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan yang boleh membawa risiko perdagangan orang dalam, yang menjadi kesalahan jenayah di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA).

Pertih kavalan dalaman ketat

KWSP juga dilihat sentiasa mematuhi kawalan dalaman ketat untuk mengekalkan integriti dan keadilan pasaran saham di negara ini. Justeru, penyertaan KWSP sebanyak 38 peratus daripada keseluruhan pasaran ekuiti tersenarai domestik, sebarang tindakan tidak wajar boleh menjejaskan reputasi dan kestabilan pasaran kewangan negara.

Oleh itu, protokol Chinese Wall ini adalah langkah kawalan penting yang bertindak sebagai pertahanan terhadap perdagangan orang dalam seperti dinyatakan dalam Seksyen 190 CMSA.

Perdagangan orang dalam adalah kesalahan jenayah yang jika disabitkan boleh membawa hukuman penjara mandatori sehingga 10 tahun dan denda tidak

kurang RM1 juta.

Terdapat juga penjelasan penting bahawa MAHB bukanlah aset strategik KWSP kerana pegangan sahamnya kurang 30 peratus. Ini bermakna, MAHB tidak termasuk dalam kategori aset strategik yang memerlukan pengurusan khas oleh KWSP.

Penjelasan ini penting untuk menepis tanggapan bahawa KWSP mempunyai kepentingan besar dalam MAHB hingga boleh mempengaruhi keputusan pelaburan secara tidak adil.

KWSP kekal teguh dengan amalan tadbir urus berintegriti sepanjang hampir 75 tahun penubuhannya. Kawalan dalaman ketat dan komitmen terhadap prinsip ketelusan menyumbang kepada keteguhan institusi pelaburan ini.

KWSP dilihat sentiasa mengambil berat peranannya dalam menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan negara sebagai institusi pelabur terbesar di negara ini.

Ia penting bagi memberi keyakinan kepada pelabur dan orang awam bahawa tiada sebarang salah laku berlaku dalam transaksi saham MAHB.

Ia juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan ketelusan dan keadilan dalam pasaran saham Malaysia.

Sebagai pemain utama dalam pasaran kewangan dan ekonomi negara, KWSP dan MAHB perlu terus komited kepada prinsip ketelusan dan tadbir urus korporat baik bagi memastikan keyakinan pelabur kekal kukuh dan prestasi saham stabil di pasaran.

Jika wujud isu perdagangan orang dalam dalam transaksi saham dan penswastan MAHB, ia adalah satu perkara serius dan perlu ditangani dengan tegas.

Kewujudan perdagangan orang dalam bukan sahaja merugikan pelabur kecil, bahkan merosakkan integriti pasaran saham. Oleh itu, adalah penting bagi semua pihak, termasuk kerajaan, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan pelabur, untuk bekerjasama dalam memastikan pasaran saham adil dan telus.

